

Kertas Bil. 6/2015



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-
PEMBASMIAK KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI
SELANGOR BERKENAAN CADANGAN
MENYELESAIKAN PUNCA-PUNCA KEMISKINAN DAN
KETIDAKSAMARATAAN DI KALANGAN RAKYAT
NEGERI SELANGOR**

PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN MENYELESAIKAN PUNCA-PUNCA KEMISKINAN DAN KETIDAKSAMARATAAN DI KALANGAN RAKYAT NEGERI SELANGOR

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 71 (1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama (Pembukaan), Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Mac-3 April dan 6-10 April 2015.

2. TUMPUAN LAPORAN JAWATANKUASA

Laporan Jawantankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan) ini adalah untuk menguraikan cadangan umum Jawatankuasa bagi menyelesaikan punca-punca kemiskinan dan ketidakamarataan di kalangan rakyat negeri Selangor.

3. SESI RUNDINGAN MEJA BULAT

JPK-Pembasmian Kemiskinan telah mengadakan sesi rundingan meja bulat pada 20 Januari 2015 (Selasa) dan 28 Januari 2015 (Rabu) bagi mendengar taklimat mendengar pandangan dan cadangan daripada ahli panel yang terlibat dalam mengendalikan bantuan dan memahami punca-punca kemiskinan dan ketidakamarataan di kalangan rakyat negeri Selangor dalam empat isu berikut:

- i) Tahap kemiskinan di Selangor dan halatuju menjelang tahun 2035;
- ii) Punca-punca kemiskinan;
- iii) Keberkesanan dasar, program-program pembasmian kemiskinan, program dan pelaksanaan bagi mengatasi masalah kemiskinan; dan
- iv) Saranan penambahbaikan.

4. KENYATAAN AHLI PANEL

4.1 Tahap kemiskinan di Selangor dan halatuju menjelang tahun 2035

1. Kemiskinan harus dilihat daripada pelbagai sudut kerana penyelesaiannya adalah amat rumit dan kompleks.
2. Tiada data yang khusus untuk menerangkan punca-punca dan tahap kemiskinan di Selangor. Data yang lengkap adalah berhubung
 - a. tahap kemiskinan orang asli yang digunakan sebagai kajian kes bagi menerangkan tahap kemiskinan.
 - b. garis panduan yang digunakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang menawarkan bantuan untuk pelbagai kategori asnaf.
3. Data rasmi menunjukkan tahap kemiskinan di Malaysia adalah tidak tepat kerana angka yang digunakan untuk mengukur kadar kemiskinan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri adalah berbeza. Contohnya, di Kerajaan Persekutuan tahap kemiskinan ditentukan pada pendapatan minima adalah RM 900 sebulan tetapi di peringkat Kerajaan Selangor, pendapatan minima adalah RM 1500.
4. Universiti Malaya baru-baru ini telah cuba mendefinisikan kemiskinan dengan mengambil faktor relatif kemiskinan berdasarkan pendapatan median. Contohnya di negara-negara maju, kadar kemiskinan dikategorikan sebagai golongan miskin yang mempunyai 50%-60% daripada pendapatan median.

4.2 Punca-punca kemiskinan

1. Di Selangor, kadar kemiskinan tegar tidak wujud berbanding dengan negeri-negeri lain. Punca-punca kemiskinan di kalangan golongan tersasar adalah berbeza. Punca-punca kemiskinan di bandar dan luar bandar merangkumi pelbagai aspek yang berbeza. Misalnya, di kalangan orang asli, walaupun mereka diberikan tempat tinggal, mereka masih ingin kembali kepada cara hidup tradisi mereka kerana mereka tidak dapat menyesuaikan diri untuk menghadapi prasarana dan cabaran hidup yang moden.
2. Selain itu, masalah utama kemiskinan di negeri Selangor sukar dicari puncanya kerana kebanyakan penduduk yang berhijrah ke Selangor

menjadi sebahagian daripada *informal economy* di mana punca pendapatan mereka tidak dapat dikesan kerana tidak mempunyai akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ataupun Pertubuhan Kebajikan Sosial Pekerja (SOCSO).

3. Berdasarkan kajian Institut Khazanah Negara, 55% daripada isi rumah mempunyai pendapatan sebulan kurang daripada RM 6,000 dan lazimnya isi rumah yang miskin mempunyai kadar perbelanjaan yang tinggi kerana tidak mempunyai aliran tunai yang mencukupi, berpendidikan rendah,mempunyai tahap kesihatan yang kurang memuaskan, tempat tinggal yang tidak selesa dan bersih, tiada aset serta kadar pengangguran belia yang tinggi.
4. Taraf pendidikan di Malaysia adalah rendah di mana hanya 21%-30% rakyat Malaysia mempunyai ijazah.
5. Kajian juga mendapati bahawa jarak di antara penduduk dengan kemudahan kesihatan dan pendidikan adalah tertinggi di Selangor iaitu sebanyak 9 km secara purata.

4.3 Keberkesanan dasar-dasar pembasmian kemiskinan, program dan pelaksanaan bagi mengatasi masalah kemiskinan:

Program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti MIMBAR dan SKIMSEL tiada perancangan jangka pendek dan panjang untuk membasi kemiskinan yang dapat diukur secara kuantitatif.

4.4 Saran Penambahbaikan

1. Kerajaan Negeri hendaklah memainkan peranan sebagai pemudahcara atau fasilitator untuk memastikan satu pendekatan yang sistematik bagi memastikan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan dimanfaatkan oleh golongan sasaran.
2. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan satu rangka kerja garis kemiskinan bagi mengenal pasti golongan tersasar dan cara pembasmian kemiskinan yang berbeza akan dijalankan untuk setiap golongan miskin

termasuk golongan miskin bandar, golongan miskin luar bandar, orang asli, golongan gelandangan dan sebagainya.

3. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan penyediaan infrastruktur yang memuaskan contohnya, kerja-kerja penyelenggaraan rumah PPRT (Projek Perumahan Rakyat Termiskin) yang baik memberi kesan psikologikal yang positif serta meningkatkan kadar kutipan yuran penyelenggaraan sehingga 90% kerana penghuni PPRT berasa berbaloi.
4. UTAR dan UNISEL akan memulakan kajian bagi mengumpul semua data berkaitan pembasmian kemiskinan supaya satu sistem maklumat yang berintegrasi dan dikemaskini dapat direalisasikan.
5. Kerajaan Negeri hendaklah mendirikan satu Pusat Sehenti (One-Stop Centre) untuk mengumpul semua data berkaitan kemiskinan.

5. **PENEMUAN JAWATANKUASA**

Berdasarkan kenyataan ahli panel, Jawatankuasa berpendapat terdapat lima faktor utama yang merupakan punca-punca kemiskinan. Lima faktor utama tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Pendapatan;
- 2) Pendidikan;
- 3) Mobiliti Fizikal;
- 4) Kesihatan; dan
- 5) Kesejahteraan Rohani dan Sahsiah

5.1 Pendapatan

1. Kemiskinan yang didefinisikan semata-mata di atas ukuran paras garis kemiskinan adalah satu definisi yang gagal untuk memperihalkan persoalan kemiskinan dalam konteks dan realiti yang sebenar. Ini kerana permasalahan kemiskinan adalah lebih kompleks dan lebih rumit daripada apa yang dipersepsikan oleh rakyat, masyarakat madani dan kerajaan.
2. Pendapatan seseorang individu, sama ada ianya cukup atau tidak cukup untuk menampung keperluan bagi dari mahupun ahli-ahli keluarganya, adalah satu aset dan potensi yang amat penting dalam proses membebaskan orang miskin daripada himpitan hidup yang sedang dihadapi oleh mereka.
3. Selain itu, paras garis kemiskinan wujud tanpa tidak mengambil kira faktor kesejahteraan seseorang individu atau golongan tersasar yang mampu memenuhi keperluan asas seperti tempat tinggal, makanan dan pakaian melalui cara hidup yang lain. Contohnya, walaupun golongan orang asli diberikan tempat tinggal oleh Kerajaan namun mereka lebih selesa dengan cara hidup tradisi mereka.

5.2 Pendidikan

1. Taraf pendidikan yang rendah merupakan punca utama golongan miskin di Selangor tidak dapat meningkatkan pendapatan mereka. Kebanyakan pekerjaan di Selangor memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang tinggi.
2. Selain itu, pendidikan yang diberikan di sekolah-sekolah tidak merangkumi aspek inklusif dan holistik kerana setiap individu dan golongan mempunyai cara pembelajaran yang berbeza.

5.3 Mobiliti Fizikal

Mobiliti fizikal adalah berkenaan dengan akses kepada maklumat dan peluang. Mobiliti seperti ini menekankan tumpuan untuk membangunkan kekuatan dan potensi yang bakal memasuki pasaran kerja di kalangan penduduk kampung. Dengan itu mobiliti fizikal adalah gerakerja yang berkait langsung dengan infrastruktur, sistem pengangkutan dan dasar pengurusan sumber tenaga manusia. Dengan itu, mobiliti fizikal semestinya menjadi sebab paling utama untuk menjimatkan sumber dan melonjakkan kekayaan.

5.4 Kesihatan

Kebanyakan golongan miskin di Selangor tidak mempunyai kesihatan yang baik kerana tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk membeli makanan yang lebih berkhasiat serta tidak mempunyai akses kepada kemudahan kesihatan yang lebih baik.

5.5 Kesejahteraan Sahsiah dan Rohani

Kesejahteraan rohani adalah amat penting untuk seseorang individu ataupun golongan miskin keluar daripada rantaian kemiskinan kerana kesejahteraan sahsiah dan rohani membantu seseorang individu ataupun golongan miskin menghadapi cabaran dan dugaan hidup dengan lebih tabah.

6. SARANAN JAWATANKUASA

1. Kerajaan Negeri hendaklah mendefinisikan kemiskinan dengan cara yang lebih holistik dan komprehensif. Mendefinisikan kemiskinan dengan berpandukan paras garis kemiskinan akan menjadikan kerajaan gagal menggariskan dasar dan program-program yang mantap bagi kesejahteraan rakyat jelata.
2. Kemiskinan hendaklah didepani sebagai permasalahan yang bersifat *multi-dimensional*. Kemiskinan juga mesti dijadikan satu permasalahan yang berkaitan dengan persoalan hak asasi manusia. Bebas daripada kemiskinan adalah persoalan hak asasi manusia. Tidak ditekan dan dihimpit oleh kemiskinan juga adalah isu hak asasi manusia.
3. Kerajaan Negeri hendaklah menetapkan matlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan semua rakyat negeri Selangor.
4. Kerajaan Negeri hendaklah mendirikan pusat kajian ataupun Pusat Sehenti (One-Stop Centre) untuk mengumpul dan mengintegrasikan semua data berkaitan kemiskinan daripada pelbagai agensi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan juga agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan.
5. Kerajaan Negeri hendaklah merombak semula peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk memastikan peranannya setara dan

setanding dengan Lembaga Zakat Selangor dalam menjaga kebajikan masyarakat bukan Muslim di Selangor.

7. PENUTUP

1. Jawatankuasa ini ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai yang telah tampil memberi keterangan dan juga pegawai-pegawai Dewan Negeri Selangor yang telah menjalankan tugas mereka dengan sempurna.
2. Semoga segala saranan Jawatankuasa yang terkandung dalam penyata ini boleh diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Sekian, terima kasih.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Tuan Lau Weng San (Ahli) dengan dibantu oleh Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Pengerusi) Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JPK-Pembasmian Kemiskinan di mesyuarat Jawatankuasa pada 5 Mac 2015.

Disahkan oleh:



Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan
(JPK-Pembasmian Kemiskinan)

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan (JPK-Pembasmian Kemiskinan):

- | | | |
|------|---|-----------|
| i) | Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii) | Y.B Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| iii) | Y.B Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| iv) | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| v) | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| vi) | Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |
| vii) | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |

AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 20 Januari 2015 (Selasa) adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan
(ADN Kawasan Batang Kali) | Ahli |
| 7. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |

Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 28 Januari 2015 (Rabu) adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Lau Weng San
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 3. | Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Lai Nyuk Lan
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |

AHLI PANEL YANG HADIR UNTUK MENYAMPAIKAN TAKLIMAT

Ahli panel yang hadir untuk menyampaikan taklimat pada 20 Januari 2015 adalah seperti berikut:

1. Profesor Madya Dr Hajah Fatimah binti Kari
Ketua Jabatan Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya
2. Encik Jeffrey FK Phang
Pembantu Profesor
Fakulti Perakaunan dan Pengurusan
Universiti Tunku Abdul Rahman

Ahli panel yang hadir untuk menyampaikan taklimat pada 28 Januari 2015 adalah seperti berikut:

1. Y.B. Tuan Dr. Ong Kian Ming
Ahli Parlimen Serdang
2. Encik Razin bin Murat
Pengasas Bersama Blindspot (Equality Trust)

URUS SETIA

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker